



**PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI JUN 2019**  
**24 JUN 2019**

<b>Pendaftaran Pelajar</b>	<b>Masa : 8.30 Pagi</b> <b>Tempat : Dewan Pavilion</b>
<b>Taklimat Ibu Bapa</b>	<b>Masa : 10.30 Pagi</b> <b>Tempat : Hangar</b>

# ISI KANDUNGAN

## A. PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU

- 1.0 Latarbelakang Politeknik Banting Selangor
- 2.0 Panduan Ke Politeknik Banting Selangor
- 3.0 Sebelum Pendaftaran
  - 3.1 Penyediaan Dokumen
  - 3.2 Pembayaran Pendaftaran
  - 3.3 Pendaftaran On-Line (SPMP)
  - 3.4 Kemudahan Tempat Tinggal
  - 3.5 Bantuan Kewangan
- 4.0 Hari Pendaftaran
  - 4.1 Rupadiri Pelajar Semasa Pendaftaran
  - 4.2 Pakaian dan Rupadiri Pelajar lelaki
  - 4.3 Pakaian danRupadiri Pelajar Perempuan
  - 4.4 Urusan
  - 4.5 Kaunter Pendaftaran
- 5.0 Minggu Suai Kenal (MSK)
- 6.0 Hal-hal Lain

## B. Lampiran

- Tatacara membayar yuran
- Borang Senarai Semak

## A. PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU

Adalah dinasihatkan membaca maklumat dan arahan di bawah dengan teliti supaya urusan pada hari pendaftaran berjalan dengan lancar.

### 1.0 LATAR BELAKANG POLITEKNIK BANTING SELANGOR

Politeknik Banting Selangor(PBS) merupakan politeknik yang ke 24 ditubuhkan di Malaysia dan beroperasi di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Ia bertujuan untuk melatih para lulusan Sijil Pelajaran Malaysia bagi memenuhi permintaan tenaga kerja separa profesional dalam bidang kejuruteraan dan penyelenggaraan pesawat. PBS Mula beroperasi pada 1 November 2007 di kampus sementara di Bandar Sungai Emas, Banting, Selangor. Semasa di kampus sementara PBS hanya menjalankan satu program sahaja iaitu Diploma Kejuruteraan Elektrik.

Pada September 2012 PBS telah berpindah ke kampus tetap terletak di dalam daerah Kuala Langat. Di Kampus tetap terdapat tiga program yang dijalankan iaitu Diploma Kejuruteraan Penyelenggaraan Pesawat, Diploma Kejuruteraan Mekanikal dan Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan). Di kampus tetap PBS, jumlah kapasiti pelajar boleh menampung sehingga mencecah 2400 orang pelajar.

Pada bulan Mac 2017 PBS telah memperolehi pengiktirafan MS ISO 9001:2015. Pengiktirafan ini membuktikan kemantapan dan kecekapan Sistem Pengurusan Kualiti PBS.

### 2.0 PANDUAN UNTUK KE POLITEKNIK BANTING SELANGOR

Kampus PBS terletak di dalam daerah Kuala Langat, Selangor di mana jaraknya 45 km dari Klang dan 60 km dari Kuala Lumpur.



Koordinat Politeknik Banting Selangor :-

2°49'31.3"N  
101°27'48.7"E

**JABATAN HAL EHWAL PELAJAR  
POLITEKNIK BANTING SELANGOR**

### 3.0 SEBELUM PENDAFTARAN

#### 3.1 PENYEDIAAN DOKUMEN

Semua calon pelajar dikehendaki melaksanakan perkara berikut:

- a) Mengisi SEMUA borang dengan lengkap ( Borang BHEP1 – BHEP6 ). Borang yang telah lengkap diisi hendaklah di bawa pada hari pendaftaran.
- b) Membawa gambar berwarna terbaharu sebanyak **2 keping berukuran pasport**. ***Sila catatkan nama, no. kad pengenalan dan kod program anda di belakang setiap gambar.***
- c) Pengarah PBS juga berhak menarik balik tawaran belajar sekiranya terdapat **percanggahan maklumat di antara dokumen asal** dengan maklumat yang telah anda berikan semasa memohon ke Politeknik.

#### Peringatan

- ✚ Pastikan semua **dokumen** yang dikehendaki dibawa pada hari pendaftaran untuk tujuan semakan. **Pendaftaran anda akan tertanggung sekiranya anda gagal mengemukakan dokumen-dokumen tersebut.**
- ✚ Tawaran pengajian ini adalah tertakluk kepada kesahihan maklumat dalam borang permohonan dengan dokumen asal yang dikemukakan. Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti KPM berhak **menarik balik tawaran** atau **memberhentikan pengajian** anda di PBS pada bila-bila masa sekiranya didapati percanggahan maklumat dalam borang permohonan dengan dokumen asal.

#### 3.2 PEMBAYARAN

##### PERINGATAN :

Semua pelajar hendaklah mematuhi arahan ketika membuat pembayaran yuran pengajian / yuran asrama / bayaran pelbagai di **Bank Islam (M) Berhad (BIMB)**. Pihak Politeknik KPT tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kesilapan yang berlaku dalam proses pembayaran semua yuran.

- a. Semua bayaran **PERLU DIJELASKAN** sebelum hari pendaftaran pada **19 JUN 2019 (Rabu)** dan bayaran boleh buat mulai 13 Mei 2019.
- b. Semua pembayaran yang dibuat **TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN** sekiranya anda menarik diri atau berhenti daripada Politeknik Banting Selangor.

- c. Calon yang mendapat tajaan daripada mana-mana agensi kerajaan atau swasta hendaklah membawa bersama semasa mendaftar **salinan asal surat pengesahan penajaan**. Calon tetap perlu menjelaskan semua pembayaran walaupun mendapat tajaan. Pihak PBS akan membuat tuntutan kepada agensi berkenaan. Semua pembayaran yang telah dibuat oleh pelajar akan dikembalikan setelah pihak PBS setelah menerima pembayaran daripada agensi tersebut.
- d. **Bayaran melalui cek peribadi atau *Money Order* atau *Postal Order* dan TUNAI TIDAK DI TERIMA.**

**BAYARAN YANG PERLU DIJELASKAN:**

Bil	Perkara	Jumlah Bayaran	Akaun	Cara bayaran
1.	BIMB1: Yuran Pengajian**	RM 200	POLITEKNIK KPT (tatacara bayaran seperti di sebelah)	1. ATM bank Islam 2. Cash deposit bank islam
2.	BIMB2: Yuran Kolej Kediaman**  Semua pelajar diwajibkan menduduki kolej Kediaman sepanjang tempoh pengajian	RM630		
3.	BIMB3 : Bayaran Pelbagai **	RM 600	KOPERASI POLITEKNIK BANTING SELANGOR BHD(HEP) <b>12074010066261</b>	<b>Kaunter Bank Islam sahaja</b>
<p>Sila rujuk <b>Tatacara Membayar Yuran Pengajian, Yuran Asrama dan Bayaran Pelbagai di Lampiran</b> ** Bayaran untuk satu semester</p>				

### **3.3 PENDAFTARAN SECARA ON-LINE MELALUI SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar)**

- a) Semua pembayaran perlu dibuat sebelum **19 Jun 2019** bagi melancarkan proses pendaftaran. Kegagalan membayar yuran sebelum pendaftaran akan menyebabkan urusan pendaftaran tidak dapat dilaksanakan dengan lancar pada hari pendaftaran.
- b) Selepas dua hari membayar yuran mohon laksanakan Pra Pendaftaran secara online. Ianya perlulah dibuat sebelum **22 Jun 2019** melalui laman web **[www.polibanting.edu.my](http://www.polibanting.edu.my)**
- c) Cetakan pengesahan pendaftaran perlu dibawa pada hari pendaftaran.

### **3.4 KEMUDAHAN TEMPAT TINGGAL**

- a) Politeknik Banting Selangor menawarkan kemudahan kolej kediaman kepada semua pelajar.
- b) Kadar Bayaran Kolej Kediaman boleh merujuk kepada Kaedah Bayaran Yuran Bagi Pelajar Baharu.

### **3.5 BANTUAN KEWANGAN**

- a) Pelajar boleh memohon pinjaman/biasiswa/dermasiswa dari mana-mana institusi yang berkenaan dan perlu membuat permohonan sendiri ke institusi tersebut.
- b) Pelajar juga boleh memohon **Pinjaman Pendahuluan** daripada **PTPTN** secara dalam talian setelah menerima tawaran untuk memasuki Politeknik bagi tujuan keperluan kewangan semasa hari pendaftaran.

## **4.0 HARI PENDAFTARAN**

### **4.1 RUPADIRI PELAJAR SEMASA PENDAFTARAN**

Semua pelajar Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia tertakluk kepada Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976, Pindaan 1997 (Akta 174) dan semua peraturan bertulis di Politeknik. Secara umumnya pelajar-pelajar hendaklah sentiasa berpakaian kemas, bersih, menutup aurat (bagi pelajar Islam) dan sopan. Semua jenis pakaian yang “menjolak mata” dan tidak menepati peraturan Politeknik adalah dilarang sama sekali.

## 4.2 Pakaian dan Rupadiri Pelajar Lelaki

### ii. Baju

- Baju kemeja putih berlengan panjang atau pendek
- Baju perlu sentiasa dimasukkan ke dalam seluar (tuck-in) dan semua butang dikenakan dengan sempurna.
- Bertali leher.

### iii. Seluar

- Seluar 'slack' panjang berwarna hitam.
- Seluar 'jeans' **tidak dibenarkan**.

### iv. Kasut

- Pelajar hendaklah memakai kasut yang sesuai untuk kerja di pejabat dan memakai sarung kaki dengan sempurna.
- Kasut sukan dibenarkan.
- Pemakaian selipar, terompah, capal dan seumpamanya dilarang semasa pelajar berada dalam kampus.

### v. Rambut

- Rambut sentiasa pendek dan kemas. Rambut berfesyen seperti 'afro', 'punk', berekor dan diwarnakan adalah dilarang.

### vi. Perhiasan

- Pelajar dilarang memakai sebarang bentuk perhiasan kecuali bagi keperluan agama.

## 4.3 Pakaian dan Rupadiri Pelajar Perempuan

### i. Baju

- Baju kurung/ baju kemeja berwarna putih dan kain/ skirt labuh berwarna hitam
- Pakaian yang menutup aurat, bersih, kemas dan sopan bagi semua pelajar Islam.
- Pakaian yang menjolok mata dilarang (contoh pakaian yang ketat, jarang, pendek, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian badan seperti dada, bahu dan belakang).
- Pakaian hendaklah berlengan panjang sampai kepergelangan tangan.
- Labuh baju sekurang-kurangnya menutupi paras punggung.
- Pelajar bukan Islam dilarang memakai 'skirt' yang pendek dari paras lutut. Baju-T berkolar bulat dilarang.

**ii. Seluar**

- Pelajar perempuan boleh memakai seluar 'slack' panjang yang longgar dan tidak ketat serta tidak menjolok mata.
- Seluar 'slack' yang digalakkan adalah yang berwarna hitam
- Seluar 'jeans' dilarang.

**iii. Kasut**

- Pelajar hendaklah memakai kasut bertutup semasa menghadiri kuliah, berurusan di pejabat dan memakai sarung kaki dengan sempurna.
- Kasut sukan dibenarkan.
- Pemakaian selipar, terompah, capal dan seumpamanya dilarang semasa pelajar berada dalam kampus.

**iv. Rambut**

- Pelajar Islam WAJIB berpakaian yang menutup aurat (contoh bertudung) seperti yang disyariatkan Islam.
- Rambut hendaklah kemas dan beridentitikan seorang pelajar perempuan.
- Rambut fesyen seperti 'afro', 'punk', berekor, diwarnakan atau seumpamanya adalah dilarang.

**v. Perhiasan**

- TIDAK digalakkan memakai barang kemas dan solekan yang berlebihan.

**4.4 Kaunter Pendaftaran**





## **5.0 MINGGU SUAI KENAL (MSK) PELAJAR BAHARU**

- 5.1 Semua pelajar baharu diwajibkan mengikuti **Program Minggu Suai Kenal (MSK)** yang bermula pada hari pendaftaran (selepas selesai proses pendaftaran).
- 5.2 Anda dikehendaki menyediakan dan membawa keperluan berikut untuk kegunaan semasa **MSK** :-

### Pelajar Lelaki

- i. Seluar *track (track bottom)* berwarna gelap
- ii. Kasut sukan
- iii. Kasut (kulit atau PVC) bersarung
- iv. Stokin
- v. Baju kemeja (lengan panjang / lengan pendek) secukupnya
- vi. Seluar panjang *cotton* atau *slack* berwarna **hitam / gelap** secukupnya.
- vii. Tali leher

### Pelajar Perempuan

- i. Seluar *track (track bottom)* berwarna gelap
- ii. Kasut sukan
- iii. Kasut (kulit atau PVC) bersarung
- iv. Baju kurung secukupnya
- v. Kain berwarna **hitam / gelap**
- vi. Kain tudung tanpa corak (pelajar Muslim)

- 5.3 Barang – barang keperluan peribadi yang lain dan bekalan ubat (jika berkaitan).

## **6. HAL-HAL LAIN**

- Semua pelajar dinasihatkan membawa pakaian yang mencukupi serta pakaian sukan atau lain yang sesuai dan memenuhi syarat-syarat cara berpakaian.
- Pelajar perempuan dikehendaki membawa 'skirt' labuh berwarna hitam.
- Pelajar lelaki muslim diminta membawa pakaian melayu lengkap, sampin dan songkok.
- Pelajar Islam dikehendaki membawa senaskah Al-Quran dan pakaian bersolat yang lengkap.
- Pelajar dikehendaki membawa mesinkira(calculator) saintifik. Sekiranya memiliki mesin kira saintifik, ia hendaklah dari jenis yang tidak boleh diprogramkan.
- Pelajar yang tinggal di kamsis digalakkan membawa peralatan mandian yang cukup atau boleh didapati dari kedai koperasi.
- Bantal, alas tilam, sarung bantal dan selimut tidak disediakan. Bagaimanapun segala kelengkapan ini boleh di beli dari Kedai Koperasi.

## TATACARA MEMBAYAR YURAN PENGAJIAN, YURAN ASRAMA DAN BAYARAN PELBAGAI DI BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (BIMB)

### MAKLUMAT PENTING

- i. Semua pelajar hendaklah **mematuhi arahan ketika membuat pembayaran** yuran pengajian / yuran asrama / bayaran pelbagai di BIMB. Pihak Politeknik KPT **tidak akan bertanggungjawab** di atas sebarang kesilapan yang berlaku dalam proses pembayaran semua yuran.
- ii. **Semua pelajar hendaklah menyemak nombor akaun dan jumlah pembayaran selepas membuat bayaran. Sebarang kesilapan perlu dilaporkan ke BIMB dengan SEGERA.**

### KAEDAH PEMBAYARAN

Bayaran boleh dibuat melalui saluran berikut:

- a. Perkhidmatan Kaunter BIMB (Bayaran Pelbagai)
- b. Mesin ATM BIMB (Yuran Pengajian & Yuran Kolej Kediaman)
- c. Mesin *Cash Deposit* (CDM) BIMB (Yuran Pengajian & Yuran Kolej Kediaman)

### A. PEMBAYARAN YURAN PELBAGAI DI KAUNTER BIMB

Calon boleh membuat bayaran di mana-mana kaunter cawangan BIMB dengan melengkapkan Borang Slip Pembayaran Bil seperti berikut:

**BANK ISLAM** DEPOSIT TUNAI / DEPOSIT CEK / PEMBAYARAN BIL  
CASH DEPOSIT / CHEQUE DEPOSIT / BILL PAYMENT

Bank Islam Malaysia Berhad (No. 9827-0)

NOTA / NOTES: 1. Sila baca 'Peringatan kepada Pelanggan' di belakang salinan pelanggan. / Please read the 'Notice to Customer' on the reverse side of customer's copy.  
2. Sila semak butir-butir yang dicetak sebelum meninggalkan terminal. / Please check details validated before leaving the terminal.

NO. TEL. / TEL. NO. C 779328

1. NAMA / NAME

2. NO. AKAUN / ACCOUNT NO.

3. CEK-CEK CAWANGAN INI / HOUSE CHEQUES  
CEK-CEK BANK TEMPATAN / LOCAL CHEQUES  
CEK-CEK LUAR / OUTSTATION CHEQUES  
LAIN-LAIN / OTHERS

4. WANG TUNAI RINGGIT / CASH :

5. JENIS BAYARAN / PAYMENT TYPE

6. NO. MYKAD / NRIC NO.

UNTUK KESEHATAN BANK SAHAJA / FOR BANK USE ONLY

- |                 |  |                     |                    |
|-----------------|--|---------------------|--------------------|
| 1. Nama Pelajar |  | 5. Jenis Bayaran    | : Bayaran Pelbagai |
| 2. No Akaun     | : 12074010066261                                 | 6. No Mykad Pelajar |                    |
| 3. Amaun        | : RM600.00                                       |                     |                    |
| 4. Bayar Kepada | : KOPERASI POLITEKNIK BANTING SELANGOR BHD (HEP) |                     |                    |

\*Sila simpan salinan pendua Borang Slip Pembayaran Bil yang akan dikembalikan oleh pihak bank sebagai bukti pembayaran

## **B. PEMBAYARAN YURAN PENGAJIAN DAN YURAN KAMSIS MELALUI MESIN ATM BIMB**

Pembayar perlu mempunyai akaun **BIMB**.

Selepas Login

PILIHAN MENU:

1. Pilih butang: **LAIN-LAIN**
2. Pilih butang : **PEMBAYARAN BIL & YURAN IPT**
3. Pilih butang : **YURAN IPT**
4. Pilih butang : **PENGESAHAN NO AKAUN OLEH PEMILIK AKAUN**
5. **MASUKKAN NO KP PELAJAR (contoh : 970412105393)**
6. Paparan Yuran : **PILIH JENIS BAYARAN**

<input type="checkbox"/> <b>POLITEKNIK KPT</b> <b>24(6 digit)RM200</b>	←	<b>Rujukan:</b> <b>POLITEKNIK KPT : Yuran</b> <b>Pengajian</b>
<input type="checkbox"/> <b>POLITEKNIK KPT</b> <b>24(6 digit)RM630</b>	←	<b>POLITEKNIK KPT : Yuran Kolej</b> <b>Kediaman</b>

**Nota :**

\* Ulang Langkah 1-6 untuk melaksanakan proses pembayaran bagi setiap bayaran { yuran pengajian (RM200) / yuran asrama (RM630) } yang dibuat.

**(Sila simpan resit anda sebagai bukti pembayaran)**

### C. PEMBAYARAN YURAN PENGAJIAN DAN YURAN KAMSIS MESIN CASH DEPOSIT (CDM) BIMB

Tekan Butang “**MASUK**”

#### PILIHAN MENU:

1. Pilih butang : **YURAN IPT**
2. Masukkan **NO KP Pelajar** (contoh : 970412105393)
3. Paparan Yuran : **PILIH JENIS BAYARAN**

<input type="checkbox"/> <b>POLITEKNIK KPT 24(6 digit)RM200</b>	←	<b>Rujukan: POLITEKNIK KPT : Yuran Pengajian</b>
<input type="checkbox"/> <b>POLITEKNIK KPT 24(6 digit)RM630</b>	←	<b>POLITEKNIK KPT : Yuran Kolej Kediaman</b>


#### **Nota :**

- \* Ulang Langkah 1-3 untuk melaksanakan proses pembayaran bagi setiap bayaran { yuran pengajian (RM200) / yuran asrama (RM630) } yang dibuat.

**(Sila simpan resit anda sebagai bukti pembayaran)**

## SENARAI SEMAK PERKARA YANG PERLU DIBAWA SEMASA PENDAFTARAN

BIL	PERKARA	√
1	Kad Pengenalan yang Asal dan salinan yang telah disahkan	
2	Keputusan SPM yang Asal dan salinan yang telah disahkan	
3	Surat Tawaran yang Asal dan salinan yang telah disahkan	
4	Salinan Sijil berhenti sekolah dan sijil- sijil Ko-kurikulum	
5	Slip Bayaran (asal dan salinan): 1) Yuran Pengajian (RM200.00)	
	2) Yuran Kolej Kediaman (2 salinan) (RM630.00)	
	3) Bayaran Pelbagai (RM600.00)	
	*Sila buat Salinan bagi setiap Slip Bayaran	
6	Borang-borang :	
	1) HEP 1	
	2) HEP 2 (Sertakan sekali laporan ujian darah, laporan ujian air kencing dan Laporan X-Ray yang di keluarkan oleh doktor)	
	3) HEP 3	
	4) HEP 4	
	5) HEP 5	
	6) HEP 6	
7	Slip Pendaftaran Online (sila cetak)	
8	Gambar Berukuran Passport (2 Keping)	
9	Keperluan Kamsis	
	1) Salinan resit yuran Kolej Kediaman	
	2) Gambar 2 keping	
	1) Bantal Cadar, Sarung Bantal dan Selimut	
	2) Barang-barang Keperluan Harian	



**PETA POLITEKNIK BANTING SELANGOR**